

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

24 Julai 2024



## Kemasukan NGO ke kampung Orang Asli dihadkan pada musim tengkujuh

GUA MUSANG – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) mengeluarkan satu makluman khas bagi menghad pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ke kawasan kampung pedalaman Orang Asli pada musim tengkujuh.

Ketua Pengarahnya, Datuk Sapiah Mohd. Nor berkata, makluman itu akan dibuat apabila menjelang musim tengkujuh bagi mengelakkan berlaku kerosakan jalan perhubungan keluar dan masuk masyarakat Orang Asli.

Katanya, JakoA bagaimanapun tidak pernah menghalang kemasukan pihak NGO ke kawasan pedalaman Orang Asli, namun terpaksa menghadkan perjalanan pada musim tengkujuh.

“Kita bukan menghalang malah menggalakkan kemasukan mereka kerana tahu NGO juga banyak membantu JakoA dalam menyelesaikan isu yang tidak dapat ditangani seperti bantuan kesihatan.

“Memandangkan cuaca tidak menentu, kita mengeluarkan arahan mengenai kemasukan mereka ke sana. Perjalanan perlu dihadkan kerana banyak jalan rosak semasa musim tengkujuh,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perhimpunan Penghulu, Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Negeri Kelantan dan Terengganu 2024 di Dewan Bonda Yah, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Sapiah memberitahu, pihak NGO boleh menyalur bantuan melalui JakoA sekiranya ada bantuan yang ingin disampaikan kepada penduduk Orang Asli di pedalaman semasa musim tengkujuh.

Katanya, permohonan masuk untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) perlu dikemukakan sebulan atau dua minggu sebelum program dijalankan.